

03 MAR 1999

PANTAI HOLDGS-HOSPITAL

PANTAI HOLDGS NAK TUMPU KEPADA OPERASI HOSPITAL

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Pantai Holdings Bhd akan terus memberi tumpuan kepada perniagaan hospital dan perkhidmatan sokongan walaupun mempunyai pelaburan ekuiti yang besar dalam Phileo Land Berhad dan Tongkah Holdings Bhd, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

Sektor hospital dan perkhidmatan dijangka menyumbang 70 peratus daripada jumlah perolehan kumpulan itu manakala bakinya akan disumbangkan oleh kegiatan-kegiatan lain, kata Mokhzani yang hadir pada upacara memecah tanah blok hospital baru Pusat Perubatan Pantai berharga RM80 juta di sini hari ini.

Pantai kini mempunyai tiga bahagian berasingan: hospital; perkhidmatan sokongan; dan kegiatan-kegiatan lain.

Menyentuh tentang pembelian kepentingan dalam Tongkah oleh syarikat itu, beliau berkata kepentingan tersebut dimiliki berikutan penyusunan semula yang baru sebahagian dilaksanakan.

Menurut beliau, Pantai tidak akan menambah pelaburannya dalam Phileo dan Tongkah.

Beliau juga menyebut tentang kemungkinan Pantai bekerjasama dengan Phileo Land bagi menceburi pembangunan harta. Kata beliau, Pantai boleh menempatkan kemudahan penjagaan kesihatannya di harta yang dimajukan oleh Phileo.

Tentang prospek bagi Pantai, beliau berkata ia bergantung kepada pemulihan ekonomi. -- BERNAMA

MSL KY JR